KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **11 Mac 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: SELASA

TARIKH: 11/3/2025

M/SURAT: 5

Isu campuran beras import, tempatan

# KPDN perkukuh SOP siasatan, rujuk kepakaran MARDI

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengambil tindakan mengikut Akta Perihal Dagangan (APD) 2011 terhadap pihak yang mencampurkan beras putih import (BPI) dengan beras putih tempatan (BPT) dalam bungkusan.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, kementerian juga akan memperkukuh prosedur operasi standard (SOP) siasatan menerusi kerjasama dengan MARDI dan Jabatan Kimia.

Katanya penguatkuasaan Seksyen 5, APD 2011 bagi mengenal pasti mana-mana pihak yang terbabit dalam aktiviti perihal dagangan palsu, termasuk kandungan, jenis dan pelabelan beras.

Beliau berkata, antara kesalahan yang akan diteliti ialah perbuatan menukar bungkusan atau label beras yang boleh mengelirukan pengguna.

> "Dalam menguatkuasakan Akta 730 berkenaan, analisis sampel beras adalah aspek penting dalam penentuan ketulenan BPI dan BPT"
>
> ***Armizan Mohd Ali,***
> *Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup*



"Dalam menguatkuasakan Akta 730 berkenaan, analisis sampel beras adalah aspek penting dalam penentuan ketulenan BPI dan BPT.

"Mengambil kira MARDI kini mempunyai kepakaran melalui Teknologi Pencapjarian DNA beras, KPDN akan merujuk MARDI sebagai pihak berwibawa *(competent authority)*," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, SOP siasatan merangkumi seluruh aspek, termasuk pengurusan eksibit sampel beras dan kebolehterimaan *(admissibility)* barang bukti di mahkamah.

"Selain MARDI, KPDN juga akan memperkukuh kerjasama strategik dengan Jabatan Kimia Malaysia. KPDN komited untuk melaksanakan penguatkuasaan bagi menangani isu beras campuran secara tidak sah melalui kesalahan membuat perihal dagangan palsu.

"Ini bertujuan melindungi kepentingan pengguna dan sekali gus membantu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam agenda menambah baik industri padi dan beras negara," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: SELASA
TARIKH: 11/3/2025
M/SURAT: 4

# Action against parties for mislabelling rice



PUTRAJAYA: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) will enforce Section 5 of the Trade Descriptions Act (APD) 2011 (Act 730) to identify parties that make false trade descriptions regarding the content, type and labelling of rice.

Its Minister, Datuk Armizan Mohd Ali (**pic**) said this included the offence of misappropriating the sale of rice by altering the packaging or labelling of rice that can mislead consumers.

"In enforcing Act 730, rice sample analysis is an extremely crucial aspect in distinguishing between imported white rice (BPI) and local white rice (BPT).

"Since the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) now has expertise through rice deoxyribonucleic acid (DNA) sequencing technology, KPDN will refer to MARDI as a competent authority," he posted on his Facebook page yesterday.

Armizan said the decision was made after a meeting with MARDI to receive a briefing regarding the findings of a study on the mixing of BPI and BPT in the market.

Azmizan also said that the ministry is strengthening its standard operating procedures (SOPs) to ensure effective enforcement relating to the issue of mixed rice.

He added that the investigation SOP encompassed all aspects, including the management of rice sample exhibits and the admissibility of evidence in court.

In addition to Mardi,, he said the KPDN will also strengthen strategic cooperation with the Department of Chemistry Malaysia.

"The ministry is committed to implementing enforcement to address the issue of illegal rice mixing through the offence of making false trade descriptions.

"This aims to protect the interests of consumers and, thus, help the Ministry of Agriculture and Food Security in improving the country's padi and rice industry," he said. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995

HARI: SELASA
TARIKH: 11/3/2025
M/SURAT: 10

# KPDN to enforce Section 5 of Act 730 against parties mislabelling rice



*ARMIZAN ... said the ministry is strengthening its SOPs to ensure effective enforcement relating to the issue of mixed rice.*

PUTRAJAYA: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) will enforce Section 5 of the Trade Descriptions Act (APD) 2011 (Act 730) to identify parties that make false trade descriptions regarding the content, type and labelling of rice.

Its Minister, Datuk Armizan Mohd Ali said this included the offence of misappropriating the sale of rice by altering the packaging or labelling of rice that can mislead consumers.

"In enforcing Act 730, rice sample analysis is an extremely crucial aspect in distinguishing between imported white rice (BPI) and local white rice (BPT).

"Since the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) now has expertise through rice deoxyribonucleic acid (DNA) sequencing technology, KPDN will refer to MARDI as a competent authority," he posted on his Facebook page yesterday.

Armizan said the decision was made after a meeting with MARDI to receive a briefing regarding the findings of a study on the mixing of BPI and BPT in the market.

Arzmizan also said that the ministry is strengthening its standard operating procedures (SOPs) to ensure effective enforcement relating to the issue of mixed rice.

He added that the investigation SOP encompassed all aspects, including the management of rice sample exhibits and the admissibility of evidence in court.

In addition to MARDI, he said the KPDN will also strengthen strategic cooperation with the Department of Chemistry Malaysia.

"The ministry is committed to implementing enforcement to address the issue of illegal rice mixing through the offence of making false trade descriptions.

"This aims to protect the interests of consumers and, thus, help the Ministry of Agriculture and Food Security in improving the country's padi and rice industry," he said. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 11/3/2025
M/SURAT: 6

# KPDN perkukuh SOP siasatan isu campuran beras

**SHAH ALAM** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang memperkukuh prosedur operasi standard (SOP) bagi memastikan keberkesanan penguatkuasaan berkaitan isu campuran beras.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, SOP siasatan ini merangkumi seluruh aspek termasuk pengurusan ekshibit sampel beras dan kebolehterimaan (*admissibility*) barang bukti di mahkamah.

Menurutnya, KPDN akan memperkukuhkan kerjasama strategik dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Kimia Malaysia.

"Saya mendengar taklimat MARDI berkaitan dapatan kajian isu percampuran beras putih import (BPI) dengan beras putih tempatan (BPT) di pasaran.

"KPDN akan menguatkuasakan Seksyen 5, Akta Perihal Dagangan (APD) 2011 untuk mengenal pasti pihak yang bertindak membuat perihal dagangan palsu kandungan, jenis dan pelabelan beras.

"Ini termasuk kesalahan melakukan penyelewengan penjualan beras dengan menukar bungkusan atau label beras yang boleh mengelirukan pengguna," ujarnya menerusi laman Facebook pada Isnin.

Sebelum ini, kira-kira 40 hingga 50 peratus BPI daripada 5,000 sampel yang dianalisis MARDI disahkan bercampur dengan beras putih tempatan.

Kajian menggunakan teknologi pencapjarian asid deoksiribonukleik (DNA) beras itu dijalankan sepanjang 2023 dan 2024 dengan sampel beras diterima daripada pihak berkuasa iaitu Pejabat Kawal Selia Padi dan Beras dan KPDN yang diambil daripada pengilang.

Tambah Armizan, dalam menguatkuasakan Akta 730, analisis sampel beras adalah aspek yang amat penting dalam penentuan BPI dan BPT.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Bekalan minyak masak botol makin kurang di Terengganu

## Kebanyakan kedai kehabisan stok, hadkan dua botol kepada setiap pelanggan

Oleh Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Bekalan minyak masak botol di beberapa pasar raya di negeri ini didapati semakin berkurangan sejak akhir bulan lalu dengan kebanyakan kedai tidak mendapat bekalan baharu walaupun sudah kehabisan stok.

Tinjauan di beberapa pasar raya mendapati rak minyak masak botol lima kilogram (kg), 3kg dan 2kg kosong sejak Selasa lalu dan tidak sampai 20 botol minyak 3kg masih dijual.

Pengurus Pasar Raya Besar Mydin, Suzana Romeli ketika dihubungi mengakui bekalan minyak masak botol semakin berkurangan sejak Selasa lalu.

"Kali terakhir kita menerima bekalan minyak sebanyak 120 botol yang mengandungi botol 3kg Sabtu lalu," katanya ketika dihubungi semalam.

### Ambil langkah intervensi

Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil langkah intervensi serta-merta bagi memastikan minyak masak botol segera di pasaran.

Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali dilaporkan berkata, kerajaan akan mempertimbangkan pemberian insentif khas kepada syarikat pembungkus minyak masak kemasan botol bagi memastikan bekalan minyak segera dipasarkan.

Gangguan bekalan minyak masak itu disebabkan kenaikan kos pengeluaran selepas harga minyak sawit mentah dunia yang tinggi sehingga menyebabkan syarikat mengurangkan pengeluaran untuk mengawal kos.

Mengulas lanjut, Suzana berkata, pihaknya terpaksa mengehadkan dua botol mengandungi 3kg kepada setiap pelanggan.

Seorang pengurus pasar raya yang enggan namanya didedahkan turut mengakui bekalan minyak botol terutama membabitkan minyak sawit semakin berkurangan.




*Rak minyak masak botol kosong ketika tinjauan di Pasar Raya Besar Mydin di Kuala Terengganu, semalam.*
(Foto Baharom Bakar/BH)

Harian Metro
HARI: SELASA
TARIKH: 11/3/2025
M/SURAT: 7

# Minyak masak botol di Terengganu berkurang

**Kuala Terengganu:** Bekalan minyak masak botol di beberapa pasar raya di negeri ini semakin berkurangan sejak Februari lalu.

Tinjauan di beberapa pasar raya mendapati rak minyak masak botol yang mengandungi lima kilogram (kg), tiga kg dan dua kg kosong sejak Selasa lalu.

Tinjauan turut mendapati hanya terdapat kira-kira 20 botol minyak masak mengandungi tiga kg diletakkan di atas rak.

Pengurus Pasaraya Besar Mydin, Suzana Romeli ketika dihubungi mengakui bekalan minyak masak botol semakin berkurangan sejak Selasa lalu.

"Kali terakhir kita menerima bekalan minyak sebanyak 120 botol yang mengandungi tiga kg setiap botol adalah Sabtu lalu," katanya ketika dihubungi, semalam.

> "Kali terakhir kita terima sebanyak 120 botol (tiga kg) Sabtu lalu
> Suzana

Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil langkah intervensi serta merta bagi memastikan minyak masak botol segera untuk pasaran.

Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali dilaporkan berkata, kerajaan akan mempertimbangkan pemberian insentif khas kepada syarikat pembungkus minyak masak kemasan botol bagi memastikan bekalan minyak segera dipasarkan.

Katanya, gangguan bekalan minyak masak disebabkan kenaikan kos pengeluaran disebabkan harga minyak sawit mentah dunia yang tinggi sehingga menyebabkan syarikat mengurangkan pengeluaran untuk mengawal kos.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Industri jualan langsung meningkat

## Raih RM34.4 bilion pada 2024, dominasi peringkat global

PUTRAJAYA

Industri jualan langsung negara mencatatkan peningkatan sebanyak 7.4 peratus iaitu RM34.4 bilion pada 2024 berbanding RM32.04 bilion pada tahun sebelumnya.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Dr Fuziah Salleh berkata, berdasarkan laporan dikeluarkan World Federation of Direct Selling Associations (WFDSA), industri jualan langsung Malaysia berjaya mengekalkan pencapaian di kedudukan keenam dunia dan keempat Asia Pasifik dari 2020 hingga 2024.

Menurutnya, Malaysia juga telah diiktiraf sebagai negara yang mencatatkan penembusan pasaran tertinggi di peringkat global dengan jumlah peratusan 2.28 peratus.



FUZIAH

"Pengiktirafan ini berjaya mengangkat industri jualan langsung Malaysia ke tahap yang setara dengan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Korea Selatan, Jerman, China dan Jepun," katanya dalam satu kenyataan.

Kenyataan itu dikeluarkan sempena program penyampaian Lesen Jualan Langsung kepada 45 syarikat iaitu 18 syarikat lesen baharu dan 27 syarikat lesen pembaharuan pada Isnin.

Fuziah berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berperanan serta bertanggungjawab mengawal selia industri jualan langsung melalui Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 (Akta 500).

Menurutnya, seiring perkembangan industri jualan langsung di Malaysia dan global, KPDN sedang meminda akta tersebut secara komprehensif.

"Penambahbaikan akta ini adalah bagi menyesuaikan industri dengan perubahan dinamik pasaran pada masa ini.

"Matlamatnya untuk mewujudkan ekosistem industri jualan langsung yang lebih menyeluruh, mapan, holistik dan menggalakkan amalan perniagaan beretika," katanya.

Jelas beliau, ia adalah manifestasi dan komitmen KPDN dalam usaha membangun serta mengembangkan industri jualan langsung di negara ini seiring aspirasi kerajaan melalui konsep Malaysia Madani untuk memperkukuh kemakmuran negara agar dapat dikongsi secara adil, saksama dan inklusif kepada semua lapisan masyarakat.

Fuziah berkata, KPDN sentiasa memastikan semua syarikat jualan langsung mematuhi peraturan dan garis panduan ditetapkan oleh pihak berkuasa.

"Justeru, melalui pemberian lesen jualan langsung ini, diharap semua pihak terlibat dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan penuh integriti, kejujuran dan memastikan hak pengguna sentiasa dilindungi.

"Kerajaan kekal optimis industri jualan langsung akan cemerlang dan berkembang secara holistik, di samping mampu mewujudkan peluang perniagaan, menjana pendapatan masyarakat, serta memberi impak positif melalui sumbangan kepada pembangunan dan pertumbuhan sosioekonomi negara," katanya. - *Bernama*

南洋商報
NANYANG SIANG PAU

HARI: SELASA
TARIKH: 11/3/2025
M/SURAT: 3

## 去年营销达 344 亿

# 大马直销渗透率全球第一

**（布城 10 日讯）马来西亚直销业去年营销达 344 亿令吉，市场渗透率高达 2.28%，位居全球第一。**

国内贸易及生活成本部副部长傅芝雅指出，这一成就使我国直销业跻身国际领先市场之列，与美国、韩国、德国、中国及日本等发达国家并驾齐驱。

她说，大马直销业在 2024 年同比增长 4%，达 344 亿令吉，高于 2023 年的 320 亿 4000 万令吉。

她引述世界直销协会联合会（WFDSA）报告称，2020 至 2024 年间，大马直销业持续位居全球第六、亚太地区第四的地位。

### 修订直销法案

她今天出席为 45 家公司颁发直销准证时，发表上述讲话。有关准证包括 18 家新获准的公司和 27 家续签公司。

傅芝雅表示，内贸部依据 1993 年直销与反金字塔计划法令，负责监管该行业的发展。

与此同时，为顺应国内外行业趋势，该部正着手全面修订该法案，以适应不断变化的市场环境。

"此次修订旨在推动更全面、永续且合乎道德的直销生态系统。"

"这也体现内贸部在'大马昌明'理念下推动行业发展与扩展的承诺，目标是提升国家繁荣，并确保财富公平分配。同时，我们将持续确保所有直销企业遵守法律及监管规定。"

她指出，通过颁发直销执照，政府希望行业参与者坚守诚信原则，透明经营，并将消费者权益置于优先地位。

"政府对此行业的前景持乐观态度，相信直销业将持续稳健增长，创造更多商业机会，提高家庭收入，并为我国社会经济发展作出积极贡献。"


傅芝雅

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 11/3/2025
M/SURAT: 8

# 8 syarikat fail rayuan keputusan MyCC

**SHAH ALAM -** Lapan syarikat akan memfailkan rayuan terhadap keputusan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) berhubung penalti kewangan RM92.8 juta atas dakwaan terbabit dalam kartel tipuan bida tender terbuka.

Dalam satu kenyataan bersama Dutamesra Bina Sdn Bhd, IDX Multi Resources Sdn Bhd, Mangkubumi Sdn Bhd, Menang Idaman Sdn Bhd, Meranti Budiman Sdn Bhd, Pintas Utama Sdn Bhd, NYL Corporation Sdn Bhd dan Kiara Kilat Sdn Bhd menyifatkan keputusan serta penalti yang dikenakan sebagai tiada merit.

Menurut kenyataan itu, syarikat-syarikat berkenaan turut memohon penangguhan keputusan sementara menunggu proses rayuan.

"Kesemuanya akan memfailkan notis rayuan kepada Tribunal Rayuan Persaingan (CAT) dalam masa terdekat sebagai respons kepada penalti kewangan MyCC berjumlah lebih RM92 juta.

"Sebelum ini, MyCC membuat pengumuman melalui kenyataan media berkaitan cadangan keputusan tersebut pada April 2024," kata kenyataan itu pada Isnin.

Pada 28 Februari lalu, MyCC mengenakan penalti kewangan sebanyak RM92.8 juta kepada lapan perusahaan kerana terbabit dalam kartel tipu bida melebihi 200 syarikat pada 2019.

Sementara itu, kenyataan tersebut turut memaklumkan kesemua syarikat berkenaan telah menghantar permohonan semakan kehakiman pada Mei 2024 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan keputusan semakan kehakiman dijadualkan pada 30 April ini.

"Bagaimanapun MyCC telah mengeluarkan kenyataan media berhubung penalti kewangan (keputusan akhir denda) pada 28 Februari lalu iaitu sebelum keputusan semakan kehakiman," kata kenyataan tersebut.

Tambahnya, syarikat berkenaan tidak mempunyai kawalan *cut-off* harga tender terbuka kerana hanya dua peratus daripada jumlah petender yang terlibat dan ia tidak memberi sebarang impak kepada penilaian tender terbuka Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Harga tawaran yang dikemukakan adalah di bawah anggaran JKR, sekali gus tidak menyebabkan sebarang kerugian kewangan kepada kerajaan," jelasnya.

Kesemua syarikat itu menegaskan akan mencabar penemuan MyCC berhubung isu tersebut bagi mempertahankan reputasi masing-masing selain mendukung integriti.

"Bagi tujuan itu, kesemua syarikat sedang berunding dengan penasihat undang-undang untuk mengambil tindakan sewajarnya," tambah kenyataan itu.


6 NASIONAL
Sinar
Lapan syarikat kontraktor didenda RM93 juta tipu bida tender kerajaan

Laporan *Sinar Harian* pada 1 Mac lalu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar
HARI: SELASA
TARIKH: 11/3/2025
M/SURAT: 3

# Eight companies challenge RM92.8mil bid-rigging penalty

**KUALA LUMPUR:** Eight companies will file an appeal against the decision of the Malaysia Competition Commission (MyCC) regarding the RM92.8mil penalty imposed on them over allegations of their involvement in a bid-rigging cartel for open tenders.

The companies involved are Dutamesra Bina Sdn Bhd, IDX Multi Resources Sdn Bhd, Mangkubumi Sdn Bhd, Menang Idaman Sdn Bhd, Meranti Budiman Sdn Bhd, Pintas Utama Sdn Bhd, NYL Corporation Sdn Bhd and Kiara Kilat Sdn Bhd.

IDX Multi Resources Sdn Bhd director Rahmat Hidayat Mohamed, who represented all eight companies, said that they will seek a stay of the decision pending the appeal process and will file a notice of appeal with the Competition Appeal Tribunal (CAT) soon.

"Prior to this, MyCC announced its proposed decision through a media statement in April 2024.

"As a result, all the companies submitted a judicial review application in May 2024 at the High Court here, with the judicial review decision scheduled for April 30, 2025.

"However, MyCC issued a media statement regarding the financial penalty (final decision on the fine) on Feb 28 before the judicial review decision," he said, reported Bernama.

Rahmat Hidayat said the notice of appeal submitted to CAT is based on strong arguments, including the fact that the project procurement in 2019 was conducted via an open tender involving 200 companies, ensuring broad competition.

He also said that the companies consider MyCC's decision and the imposed penalties to be baseless and will challenge MyCC's findings to defend their reputations and uphold integrity.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 11 MAC 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 11-Mar | Bekalan minyak masak botol semakin berkurangan di Terengganu | https://api.bharian.com.my/berita/wilayah/2025/03/1370683/bekalan-minyak-masak-botol-semakin-berkurangan-di-terengganu | BERITA HARIAN |
| 11-Mar | Bekalan minyak masak botol semakin berkurangan di Terengganu | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1195320/bekalan-minyak-masak-botol-semakin-berkurangan-di-terengganu | HARIAN METRO |
| 11-Mar | KPDN Sarawak Tawar Baucar E-Wallet Di Lima Lokasi Bazar Ramadan Rahmah Di Sarawak | https://www.iloveborneo.my/kpdn-sarawak-baucar-e-wallet-bazar-ramadan/ | ILOVEBORNEO |
| 11-Mar | KPDN Kedah tawar 36,000 insentif e-dompet di Bazar Ramadan Rahmah | https://thenusantaradaily.com/kpdn-kedah-tawar-36000-insentif-e-dompet-di-bazar- | THE NUSANTARA DAILY |
| 11-Mar | KPDN Kedah tawar 36,000 insentif e-dompet di Bazar Ramadan Rahmah | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kedah-tawar-36000-insentif-edompet-di-bazar-ramadan-rahmah-511817 | ASTRO AWANI |
| 11-Mar | KPDN Kedah tawar 36,000 insentif e-dompet di Bazar Ramadan Rahmah | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2400662 | BERNAMA |
| 11-Mar | KPDN: Food businesses must clearly label AI-generated photos | https://www.thestar.com.my/tech/tech-news/2025/03/10/kpdn-food-businesses-must-clearly-label-ai-generated-photos | THE STAR |
| 11-Mar | Kes kartel tipuan bida, 8 syarikat fail rayuan keputusan MyCC | https://www.sinarharian.com.my/article/716877/berita/semasa/kes-kartel-tipuan-bida-8-syarikat-fail-rayuan-keputusan-mycc | SINAR HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11-Mar | KPDN bertemu MARDI, perkukuh SOP siasatan campuran beras | https://www.sinarharian.com.my/article/716919/berita/nasional/kpdn-bertemu-mardi-perkukuh-sop-siasatan-campuran-beras#google_vignette | SINAR HARIAN |
| 11-Mar | KPDN perkukuh SOP siasatan percampuran beras BPI, BPT | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1195471/kpdn-perkukuh-sop-siasatan-percampuran-beras-bpi-bpt | HARIAN METRO |
| 11-Mar | KPDN perkukuh SOP siasatan isu beras campuran | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-perkukuh-sop-siasatan-isu-beras-campuran/ | TV3 |
| 11-Mar | KPDN perkukuh SOP siasatan isu beras campuran | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-perkukuh-sop-siasatan-isu-beras-campuran | RTM |
| 11-Mar | KPDN perkukuh SOP siasat isu percampuran beras import, tempatan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1370891/kpdn-perkukuh-sop-siasat-isu-percampuran-beras- | BERITA HARIAN |
| 11-Mar | KPDN perkukuh SOP penyiasatan isu beras campuran | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/terkini-kpdn-perkukuh-sop-penyiasatan-isu-beras-campuran-x9fv6wa | ASTRO AWANI |
| 11-Mar | KPDN kuat kuasa Seksyen 5 APD 2011, kenal pasti pihak seleweng penjualan beras | https://thesun.my/cerita/berita/kpdn-kuat-kuasa-seksyen-5-apd-2011-kenal-pasti-pihak-seleweng-penjualan-beras-MN13782608 | BERITA HARIAN |
| 11-Mar | KPDN kuat kuasa Seksyen 5 APD 2011, kenal pasti pihak seleweng penjualan beras | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1370940/kpdn-kuat-kuasa-seksyen-5-apd-2011-kenal-pasti-pihak | BERITA HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11-Mar | KPDN kuat kuasa Seksyen 5 APD 2011, kenal pasti pihak seleweng penjualan beras | https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-to-enforce-section-5-of-trade-descriptions-act-against-parties-mislabeling-rice-IN13782309 | THE SUN |
| 11-Mar | KPDN perkukuh SOP penyiasatan isu beras campuran | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-perkukuh-sop-penyiasatan-isu-beras-campuran-511874 | ASTRO AWANI |
| 11-Mar | KPDN pinda Akta Jualan Langsung demi perkukuh industri | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-pinda-akta-jualan-langsung-demi-perkukuh-industri | RTM |
| 11-Mar | Jualan langsung Malaysia cecah RM34.4 bilion, kedudukan ke enam dunia | https://malaysia-tribune.news/2025/03/10/jualan-langsung-malaysia-cecah-rm34-4-bilion-kedudukan-ke-enam-dunia/ | MALAYSIA TRIBUNE |
| 11-Mar | Industri jualan langsung catat pertumbuhan 7.4 peratus kepada RM34.4 bilion | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2025/03/1370898/industri-jualan-langsung-catat-pertumbuhan-74-peratus-kepada-rm344 | BERITA HARIAN |
| 11-Mar | Industri jualan langsung catat pertumbuhan 7.4 peratus kepada RM34.4 bilion | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2400872 | BERNAMA |
| 11-Mar | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pertingkat penguatkuasaan | https://www.dailyexpress.com.my/news/253871/kementerian-perdagangan-dalam-negeri-dan-kos-sara-hidup-pertingkat-penguatkuasaan-/ | BERITA HARIAN |
| 11-Mar | Operasi pantau harga barang pastikan peniaga jual ikut kadar ditetapkan | https://selangorkini.my/2025/03/exco-operasi-pantau-harga-barang-pastikan-peniaga-jual-ikut-kadar-ditetapkan/ | SELANGOR KINI |
| 11-Mar | Eight companies to appeal against RM92.8 mil MyCC penalty for bid-rigging | https://theedgemalaysia.com/node/747435 | THE EDGE |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT